

U 8482 AAB
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMEGASKAN BAHAWA KERAJAAN MUNGKIN MENDAPATKAN KEPASTIAN DARIPADA BRITAIN MENGENAI KEMUNGKINAN MEMBELI BEBERAPA PERALATAN SENJATA BAGI KEPERLUAN PERTAHANAN NEGARA.

+SAYA MUNGKIN AKAN MEMINTA KEPASTIAN KERAJAAN BRITISH MENGENAI KEMUNGKINAN MEMBELI BEBERAPA PERALATAN SENJATA BRITISH YANG DIPERLUKAN, DALAM LAWATAN KE NEGARA ITU TIDAK LAMA LAGI,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA PEMBELIAN SENJATA BUKANLAH SESUATU YANG LUAR BIASA KERANA KERAJAAN SENTIASA MENGAJAJI KEPERLUAN SENJATA BAGI MELENGKAPKAN ANGKATAN TENTERA NEGARA.

KEPERLUAN KELENGKAPAN PERTAHANAN NEGARA PENTING TETAPI IA JUGA BERGANTUNG KEPADA KEWANGAN NEGARA, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS DIALOG DENGAN PANGLINA-PANGLINA ANGKATAN TENTERA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN DI SINI HARI INI.

+APABILA, KITA ADA BANYAK WANG, KITA AKAN MEMBELI LEBIH BANYAK KELENGKAPAN DAN APABILA MEMPUNYAI WANG YANG SEDIKIT, KITA AKAN MEMBELI DALAM JUMLAH YANG SEDIKIT,+ KATA BELIAU. -- LAGI.
1433MST 13 09 88

0923

U 8488 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA SAMPA ADA PEMBELIAN PERALATAN SENJATA AKAN MENJADI PERKARA UTAMA DALAM PERBINCANGANNYA DENGAN KERAJAAN BRITAIN, BELIAU BERKATA +PEMBELIAN PERALATAN BUKANLAH SESUATU YANG LUAR BIASA.+

KETIKA DITANYA SAMPA ADA BELIAU BERBINCANG DENGAN PERDANA MENTERI BRITISH MARGARET THATCHER YANG SINGGAH DI SINI SELAMA DUA JAM BARU-BARU INI MENGENAI PERKARA ITU, BELIAU BERKATA KERAJAAN MEMANG MEMBINCANGKAN MENGENAI KEMUNGKIN MEMBELI PERALATAN SENJATA ANGKATAN TENTERA DARI BRITAIN.

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI TIDAK MENJELASKAN MENGENAI JENIS PERALATAN YANG AKAN DIBELI ITU KETIKA DITANYA SAMPA ADA KERAJAAN AKAN MEMBELI PESAWAT TERMODERN BRITISH JENIS +TORNADO.+

BESAR KECIL PERALATAN YANG AKAN DIBELI BERGANTUNG KEPADA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG ADA, KATANYA.

+KITA SEDANG MENGENAL PASTI KEPERLUAN KITA DAN KITA AKAN CUBA MEMBELINYA APABILA ADA DUIT,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MUNGKIN MENDELMANJAKAN SEDIKIT WANG UNTUK KEPERLUAN PERTAHANAN NEGARA TETAPI MEMEGASKAN BAHAWA JIKA KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA LEBIH BAIK, KERAJAAN JUGA PERLU MEMIKIRKAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN MENYELESAIKAN MASALAH TUNTUTAN GAJI KAKITANGAN ANAM. -- BERNAMA.
1449MST 13 09 88